

Headline	Peka bahaya HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 May 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	50	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	371 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faliq Lajim	AdValue	RM 14,559
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,677



**'Fun Explorace' dedah penyakit cepat merebak melalui hubungan seks**

Faliq Lajim  
hmetrosahalam  
@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**B**agi meningkatkan kesedaran orang ramai terutama belia mengenai HIV dan AIDS, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling menganjurkan program 'Fun Explorace' di Laman Budaya, Tasik Shah Alam di sini, kelmarin.

Objektif utama program anjuran bersama Persatuan Perkhidmatan Sokongan AIDS Kuala Lumpur (KLASS) itu antaranya memberi informasi mengenai penyakit berkekaan yang lebih banyak menular menerusi hubungan seks berbanding suntikan jarum.

Pegawai PKD Bahagian AIDS Petaling Dr M Lalitha Marlar berkata, pihaknya amat komited dan sememangnya mensasarkan golongan muda untuk sentiasa peka dengan penyakit berbahaya itu.

"Kita melaksanakan program seumpama ini bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan mempunyai pengetahuan berkenaan.

"Pada awalnya kita mensasarkan golongan belia supaya mereka yang pernah melakukan hubungan seks untuk melakukan saringan di klinik kesihatan berdekatan," katanya ketika ditemui selepas program itu.

Turut hadir, Pengurus Besar KLASS Martin Choo dan puluhan peserta merangkumi pelbagai lapisan usia.

Menurut Lalitha, golongan itu tidak perlu takut untuk menjalani pemeriksaan kerana semua maklumat akan dirahsiakan.

# Peka bahaya HIV

PESERTA pertandingan 'Fun Explorace' 2017 di Laman Budaya, Tasik Shah Alam.

**“Kita tidak akan mengambil maklumat peribadi mereka yang melakukan saringan menerusi bantuan badan bukan kerajaan (NGO) seperti KLASS,” katanya.**

Sementara itu, Choo berkata, pihaknya aktif mencari golongan berisiko untuk hadir membuat saringan tanpa mendedahkan maklumat mereka.

"Jika kita mengharapkan mereka hadir secara sukarela, ia sukar dan program ini

**“Kita melaksanakan program seumpama ini bagi memberi kesedaran kepada orang ramai”**

**Lalitha**

secara tidak langsung dapat menyebarkan maklumat berkenaan,” katanya.

Bagi peserta yang juga penuntut institusi pengajian tinggi (IPT), Farhain Japar, 24, dia sebelum ini hanya mengetahui HIV dan AIDS secara umum tanpa menyedari penyakit itu boleh dikawal melalui pengambilan ubat.

IBU bapa berpeliang meluangkan masa bersama anak di program Fun Explorace 2017.

**“Pada awalnya kita mensasarkan golongan belia supaya mereka yang pernah melakukan hubungan seks untuk melakukan saringan di klinik kesihatan berdekatan**

**Lalitha**